

## **Arkib Maklumbalas Pengguna (Suara Anda)**

Senarai cadangan yang dipaparkan ini adalah cadangan orang awam yang telah dikemukakan melalui Borang Maklumbalas di Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

<b>Maklumbalas Bagi Ogos 2016</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Penghantar</b>	<b>Maklumbalas</b>	<b>Jawapan</b>
1.	Husna 1/8/2016	Adakah Jabatan Mufti Perak ni boleh diakses dengan menggunakan telefon bimbit	Assalamualaikum w.b.t  Untuk makluman saudari, Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Perak boleh diakses melalui pelayar internet di telefon bimbit anda. Hanya taip <a href="http://mufti.perak.gov.my">http://mufti.perak.gov.my</a> atau imbas QR Code yang tertera di laman web untuk mendapatkan sebarang informasi. Anda juga boleh memuat-turun "Mobile Apps" dan borang-borang yang telah disediakan. Anda boleh menghubungi pihak kami untuk sebarang maklumat lanjut. Sekian, terima kasih.
2.	Minha Julabidin bin Ismail 2/8/2016	Assalamualaikum  Dengan ini dipanjangkan, aduan panggilan telefon ke no 05-2545332 yang sentiasa gagal dihubungi (berdering beberapa ketika, kemudian sambung ke peti simpanan suara).  Saya telah cuba hubungi no berkenaan semenjak hujung Julai sehingga hari ini, namun talian masih belum pernah berjaya diangkat. seringkali sambungan sampai ke peti suara, dan beberapa kali sahaja talian éngage'.  Pohon diberi perhatian berkenaan hal ini bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan. Sekian, terima kasih	Terima kasih atas aduan tuan.  Untuk makluman tuan, telah berlaku sedikit masalah teknikal pada talian telefon pejabat kami yang berpuncu dari Telekom Malaysia (TM). Kami telah membuat aduan kepada pihak TM dan kini telefon telah dapat digunakan semula seperti biasa.  Sekian, terima kasih.

3.	<p>Muhammad Syarifuddin bin Mohd Lotfi 3/8/2016</p>	<p>Assalamu'alaikum w.b.h.</p> <p>Untuk makluman pihak S.S. Tuan Mufti, saya Muhammad Syarifuddin bin Mohd Lotfi, merupakan pengawai penyelidik kepada Prof. Datin Dr. Raihanah, Professor di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.</p> <p>Di sini, kami ingin memohon kebenaran pihak S.S. Tuan Mufti untuk dapatkan senarai Nama Ahli Majlis Fatwa Negeri Perak bagi tujuan kajian yang sedang dijalankan oleh pihak kami.</p> <p>Segala kerjasama dan perhatian pihak S.S. Tuan Mufti, kami dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.</p>	<p>Wa'alaikumussalam w.b.t</p> <p>Terima kasih atas kesudian pihak tuan menggunakan Borang Maklumbalas dan Cadangan Pengguna di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak.</p> <p>Untuk makluman pihak tuan, senarai nama Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak boleh didapati di laman web rasmi kami seperti pautan berikut:</p> <p><a href="http://mufti.perak.gov.my/index.php/profil/jawatan-kuasa/jawatan-kuasa-fatwa/carta-ajk-fatwa">http://mufti.perak.gov.my/index.php/profil/jawatan-kuasa/jawatan-kuasa-fatwa/carta-ajk-fatwa</a></p> <p>Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi jabatan kami di talian 05-2545332, dan minta sambungan ke Bahagian Fatwa.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>
4.	<p>Wan 12/8/2016</p>	<p>Tajuk: Soalan Akidah - Allah Maha Mengetahui Maklumbalas: Assalamualaikum. Saya ingin bertanya berkenaan Allah Yang Maha Mengetahui. Saya kurang paham berkenaan Allah Yang Maha Mengetahui. Adakah pengetahuan Allah meliputi semua benda? Contohnya tindakan masa depan seseorang itu, orang itu akan memilih melakukan kejahatan berbanding kebaikan jika ada 2 jalan dihadapannya. Kita sedia maklum Allah sedang menguji untuk kita memilih jalan baik atau jahat tersebut. Tapi, jika Allah sudah mengetahui jalan mana yang kita ambil selepas Dia memberi pilihan pada kita utk memilih, kenapa Dia perlu beri kita ujian? adakah ujian itu perlu pada manusia sedangkan dia sudah tahu manusia itu memilih jalan atau perbuatan yang mana?</p> <p>Adakah Allah tahu saya akan bangun tahajud untuk dekatkan diri pada ALLAH atau saya buat maksiat pada malam ini? Kalau DIA tahu, saya rasakan tiada guna ALLAH berikan pilihan untuk saya pilih jalan saya sendiri di dunia</p>	<p>Wa'alaikumussalam w.b.t</p> <p>Terima kasih atas pertanyaan dan kesudian pihak tuan menggunakan Borang Maklumbalas dan Cadangan Pengguna di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak.</p> <p>Bersama-sama ini dilampirkan jawapan bagi pertanyaan tuan. Moga ia membantu dan bermanfaat.</p> <p>Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi jabatan kami di talian 05-2545332.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

ni kerana semuanya Allah Maha Mengetahui setiap inchi kehidupan ini dan masa akan datang.

Adakah Allah mengetahui di saat saya ingin membuat keputusan, saya akan pilih yang mana? Kalau Dia tahu, saya rasakan tiada guna Allah berikan pilihan untuk saya pilih jika semuanya Dia sudah tahu.

Disaat saya diuji hebat, kecenderungan tinggi untuk saya terus hanyut lupa tuhan atau saya terus dekatkan diri dengan Allah. Adakah Allah tahu samada saya akan memilih untuk terus buat dosa atau taubat? Kalau Dia sudah tahu, tiada gunanya Dia beri ujian untuk saya.

Tiadakah kejutan/surprise kegembiraan dari hambanya (dengan melakukan amal-amal) untuk Penciptanya jika semuanya Dia sudah tahu.

Tolong betulkan kekeliruan saya. Saya harap sangat jawapan Tuan boleh menjawab segala persoalan hidup saya ini dari kecil.

Terima kasih.